



NAMA:

KELAS:

MODUL PINTAS PERCUBAAN SPM 2024
PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 5
Kertas 2

3756/2

2 $\frac{1}{2}$ jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.
3. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.
4. Alat tulis perakaunan seperti Jurnal, Lejar dan Buku Tunai boleh digunakan jika perlu.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Tunjukkan kerja mengira. Ini mungkin membantu anda mendapat markah.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

| SOALAN | MARKAH PENUH | MARKAH DIPEROLEH |
|----------------------------------|--------------|------------------|
| BAHAGIAN A | | |
| 1 | 10 | |
| 2 | 25 | |
| 3 | 25 | |
| JUMLAH | 60 | |
| BAHAGIAN B | | |
| 4 | 20 | |
| 5 | 20 | |
| 6 | 20 | |
| JUMLAH | 40 | |
| JUMLAH KESELURUHAN MARKAH | | |

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. **Bahagian A** dan **Bahagian B**. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B**.

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Nyatakan sub bidang perakaunan berkaitan dengan pernyataan yang diberi.
- (i) Menyediakan maklumat perakaunan untuk pengguna dalaman.
 - (ii) Menyediakan pelaporan maklumat perakaunan dalam bentuk Penyata Kewangan.

[2 markah]

- (b) Apakah kesan urus niaga berikut kepada persamaan perakaunan?

Pulangan barang niaga kepada pembekal berjumlah RM2 300.

| Aset | Liabiliti | Ekuiti |
|------|-----------|--------|
| | | |

[2 markah]

- (c) Maklumat yang berikut diambil daripada Fariz Trading pada 31 Mac 2024.

| | RM |
|-----------------------|--------|
| Kenderaan | 60 000 |
| Susut nilai terkumpul | 24 000 |

Maklumat Tambahan:

Pada 1 April 2024, kenderaan telah dijual pada harga RM34 800.

Hitung untung atau rugi atas pelupusan kenderaan tersebut.

[2 markah]

- (d) Pada 31 Januari 2023, Cik Fairosa telah membeli 15 000 unit 6% syer keutamaan RM2 sesyer. Pada 31 Disember 2023, lembaga pengarah syarikat telah memutuskan untuk pembayaran dividen akhir kepada pemegang syer keutamaan.

Berapakah dividen akhir syer keutamaan yang diperolehi oleh Cik Fairosa?

[2 markah]

SULIT

- (e) Maklumat yang berikut diperolehi daripada Kelab Tarian Warisan Besaroh.

| | 1 Januari 2023 | 31 Disember 2023 |
|------------------------|----------------|------------------|
| Yuran belum terima | RM240 | RM260 |
| Yuran belum terperoleh | RM320 | RM400 |

Berikut merupakan petikan Akaun Penerimaan dan Pembayaran pada 31 Disember 2023.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran

| | RM |
|-------|-------|
| Yuran | 8 600 |

Hitung Yuran yang perlu direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

[2 markah]

- 2 Rosmali adalah pemilik Pasar Segar Rosemart. Beliau mengamalkan sistem catatan tunggal dalam penyediaan rekod perakaunannya. Berikut ialah aset dan liabiliti bagi Pasar Segar Rosemart.

| | 1 Ogos 2023 (RM) | 31 Julai 2024 (RM) |
|--------------------------------------|---------------------|-----------------------|
| Lengkapan (nilai buku) | 12 000 | 18 000 |
| Kenderaan (kos) | 68 000 | 68 000 |
| Susut nilai terkumpul kenderaan | 13 600 | ? |
| Akaun Belum Terima | 6 680 | 8 250 |
| Inventori | 12 300 | 10 530 |
| Tunai | 540 | 1 180 |
| Bank | 12 310 | 12 990 |
| Komisen belum terperoleh | 430 | - |
| Insurans prabayar | 500 | 250 |
| Akaun Belum Bayar | 7 750 | 3 590 |
| Pinjaman (matang pada 31 Julai 2029) | 60 000 | 50 000 |
| Modal | 30 550 | ? |

Berikut adalah ringkasan Buku Tunai perniagaannya bagi tahun berakhir 31 Julai 2024.

| | Tunai RM | Bank RM |
|----------------------|-------------|------------|
| PENERIMAAN | | |
| Jualan | 2 000 | 18 230 |
| Komisen | 500 | 1 800 |
| Akaun Belum Terima | 3 530 | 12 000 |
| PEMBAYARAN | | |
| Insurans | - | 3 000 |
| Belian | 2 350 | 3 600 |
| Akaun Belum Bayar | 2 000 | 5 650 |
| Kadar bayaran | 690 | - |
| Pinjaman | - | 10 000 |
| Faedah atas pinjaman | - | 1 000 |
| Ambilan | 350 | 100 |
| Lengkapan | - | 8 000 |

Maklumat Tambahan:

- (i) Pulangan belian RM750.
- (ii) Kenderaan disusut nilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah ansuran tetap.
- (iii) Peruntukan hutang ragu sebanyak 4% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (iv) Wang daripada jualan tunai RM120 sebulan telah digunakan oleh En. Rosmali untuk membayar insurans peribadinya. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (v) Pinjaman sebanyak RM80 000 diperolehi pada 31 Julai 2021. Faedah dikenakan pada kadar 6% setahun.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Kawalan Belum Bayar [4 markah]
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024. [12 markah]
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2024. [9 markah]

SULIT

- 3 En. Rizal ialah pemilik Kilang RIZZ yang mengeluarkan air kotak. Kilang ini mula beroperasi pada 1 Januari 2020 di Kuantan, Pahang. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perusahaannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

| | RM |
|--------------------------------------|---------|
| Inventori 1 Januari 2023: | |
| Bahan langsung | 8 420 |
| Barang siap | 1 500 |
| Alat-alat kecil kilang | 800 |
| Kerja dalam proses 1 Januari 2023: | |
| Bahan langsung | 2 400 |
| Buruh langsung | 2 200 |
| Overhed | 4 300 |
| Belian : | |
| Bahan langsung | 24 200 |
| Barang siap | 3 200 |
| Alat-alat kecil kilang | 750 |
| Alat tulis | 60 |
| Pulangan bahan langsung | 300 |
| Gaji operator kilang | 120 000 |
| Gaji pengurus kilang | 48 000 |
| Angkutan masuk bahan langsung | 240 |
| Angkutan keluar | 340 |
| Loji dan mesin (kos) | 100 000 |
| Susut nilai terkumpul loji dan mesin | 10 000 |
| Jualan barang siap | 520 000 |
| Gaji pentadbiran pejabat | 2 350 |
| Diskaun diberi | 180 |
| Alatan (kos) | 9 200 |
| Susut nilai terkumpul alatan | 840 |
| Paten | 2 800 |
| Utiliti | 4 650 |
| Iklan dan promosi | 550 |
| Insurans | 4 800 |
| Sewa | 14 400 |
| Komisen jurujual | 1 500 |
| Pulangan jualan barang siap | 300 |

Maklumat tambahan:

(i) Inventori 31 Disember 2023 :

| | |
|------------------------|-------|
| | RM |
| Bahan langsung | 840 |
| Barang siap | 2 100 |
| Alat-alat kecil kilang | 650 |

(ii) Kerja dalam proses 31 Disember 2023:

| | |
|----------------|-------|
| | RM |
| Bahan langsung | 2 310 |
| Buruh langsung | 1 200 |
| Overhed | 1 300 |

(iii) Insurans dibayar setiap tahun bermula 1 April 2023.

(iv) Angkutan masuk bahan langsung tersilap masuk ke dalam angkutan keluar RM110.

(v) Gaji pengurus kilang belum bayar ialah RM2 500.

(vi) Kaedah pengiraan susut nilai diperuntukkan seperti berikut:

| Aset Bukan Semasa | Kadar | Kaedah |
|-------------------|-------|------------------|
| Loji dan mesin | 10% | Baki berkurangan |
| Alatan | 15% | Atas kos |

(vii) Perbelanjaan berikut diagihkan antara kilang dan pejabat.

| | Kilang (%) | Pejabat(%) |
|--------------------|------------|------------|
| Utiliti | 80 | 20 |
| Sewa | 60 | 40 |
| Insurans | 60 | 40 |
| Susut nilai alatan | 70 | 30 |

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [20 markah]
 (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [5 markah]

- 4 Pada 1 Jun 2023, Buku Tunai Perniagaan Aman menunjukkan baki bank RM1 995 dan tunai runcit sebanyak RM85. Sistem panjar diamalkan dan memperuntukkan tunai runcit sebanyak RM200.

Urus niaga berikut ialah penerimaan dan pembayaran yang berlaku sepanjang bulan Jun 2023 dan Penyata Bank pada tarikh tersebut.

| Tarikh 2023 | Butir | RM |
|-------------|--|-------|
| Jun 1 | Bayaran balik perbelanjaan Tunai Runcit dengan cek. (No. Cek 102242) | 115 |
| 4 | Penghantaran bungkusan melalui pos. | 25 |
| 6 | Menerima cek daripada Puan Juita. | 1 800 |
| 12 | Menerima komisen dengan cek. | 250 |
| 15 | Membayar hutang Pembekal Rahmat bernilai RM1 950 dan menerima diskaun sebanyak RM225 dengan cek. (No. Cek 102243) | ? |
| | Membeli teh dan kopi pejabat. | 15 |
| 18 | Membeli sampul surat bersaiz A4. | 18 |
| 20 | Membayar insurans perniagaan dengan cek. (No. Cek 102244) | 900 |
| 25 | Sekeping cek dikeluarkan untuk pembayaran gaji. (No. Cek 102245). | 1 500 |
| 29 | Belian barang niaga dengan cek. (No. Cek 102246). | 480 |

PENYATA BANK

| Tarikh | Butir | No. Cek | Debit RM | Kredit RM | Baki RM |
|--------|-----------------------------------|---------|-------------|--------------|------------|
| 2023 | | | | | |
| Jun 01 | Baki b/b | | | | 2 845 |
| | Cek | 102242 | 115 | | 2 730 |
| 5 | Caj bank | | 35 | | 2 695 |
| 15 | Deposit | | | 250 | 2 945 |
| 18 | Cek | 102243 | 1 725 | | 1 220 |
| 20 | Cek | 102240 | 400 | | 820 |
| 23 | Cek | 102244 | 900 | | (80) |
| 25 | Dividen - Syarikat Aman Berhad | | | 300 | 220 |
| 27 | Sewa - Arahan tetap | | 800 | | (580) |
| 29 | Cek | 102237 | 450 | | (1 030) |
| 25 | Faedah atas overdraf | | 120 | | (1 150) |

Maklumat Tambahan:

- (i) Cek Puan Juita yang dibankkan pada 6 Jun 2023 dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda "Rujuk kepada penyuruh bayar".

SULIT

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Buku Tunai (Ruangan Bank) serta mengira baki pada 30 Jun 2023. [8 *markah*]
- (b) Buku Tunai Runcit [4 *markah*]
- (c) Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2023 tanpa mengemaskini buku tunai. [8 *markah*]

- 5 (a) Berikut adalah Penyata Kewangan Khaleef Berhad:

| Khaleef Berhad | |
|---|-----------|
| Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024 | |
| | RM |
| Jualan | 185 000 |
| Tolak: Kos Jualan | (102 000) |
| Untung Kasar | 83 000 |
| +Hasil | 20 300 |
| | 103 300 |
| -Belanja | (17 300) |
| Untung bersih | 86 000 |

| Khaleef Berhad | | | |
|---|--------|----------|----------|
| Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2024 | | | |
| | RM | RM | RM |
| Aset Bukan Semasa (nilai buku) | | | |
| Premis | | | 200 000 |
| Aset Semasa | | | |
| Inventori | | 185 000 | |
| Akaun Belum Terima | | 76 000 | |
| | | 261 000 | |
| -Liabiliti Semasa | | | |
| Akaun Belum Bayar | 82 000 | | |
| Bank | 15 000 | (97 000) | |
| Modal kerja | | | 164 000 |
| | | | 364 000 |
| Ekuiti Pemilik: | | | |
| Modal | | | 288 500 |
| +Untung bersih | | | 86 000 |
| | | | 374 500 |
| -Ambilan | | | (10 500) |
| | | | 364 000 |

Maklumat daripada Syarikat Yuha Berhad dalam industri yang sama adalah seperti berikut:

| | |
|----------------------------------|----------|
| Peratus untung kasar atas jualan | 35.71% |
| Pulangan atas modal | 30.25% |
| Nisbah semasa | 1.50 : 1 |

Anda dikehendaki menghitung nisbah berikut:

- (i) Tokokan [2 markah]
- (ii) Pulangan atas modal [2 markah]
- (iii) Nisbah semasa [2 markah]
- (iv) Sekiranya anda ingin membuat pelaburan, syarikat manakah yang akan anda pilih? Beri alasan anda. [2 markah]
- (v) Perniagaan yang manakah lebih baik kedudukannya untuk membayar liabiliti dalam jangka pendek? Beri alasan anda. [2 markah]

- (b) Berikut adalah baki-baki yang diambil daripada buku Perniagaan Radeen pada 31 Disember 2023.

| | RM |
|---------------------------------|---------|
| Belian | 78 266 |
| Jualan | 150 800 |
| Upah dan gaji | 42 000 |
| Utiliti | 2 000 |
| Insurans | 15 000 |
| Pulangan masuk | 648 |
| Pulangan keluar | 236 |
| Premis | 95 000 |
| Inventori pada 1 Januari 2023 | 10 240 |
| Diskaun diberi | 260 |
| Diskaun diterima | 186 |
| Akaun Belum Terima | 14 273 |
| Akaun Belum Bayar | 6 390 |
| Tunai | 356 |
| Overdraf bank | 10 431 |
| Kenderaan | 12 000 |
| Susut nilai terkumpul kenderaan | 4 000 |
| Modal | 98 000 |

Berikut adalah beberapa kesilapan yang ditemui:

- (i) Utiliti RM120 direkodkan dalam akaun gaji dan upah.
- (ii) Jumlah jualan kredit terkurang catat RM850.
- (iii) Invois belian RM403 direkod sebagai RM430.
- (iv) Belanja membaiki premis RM3 000 tersalah rekod ke dalam akaun premis.
- (v) Dokumen dibawah telah dijumpai dan belum direkod dalam mana-mana buku.

| |
|--|
| <p>Perniagaan Radeen Lorong Tun Ismail 25000 Kuantan</p> <p style="text-align: right;">31 Mac 2023</p> <p style="text-align: center;"><u>MEMO</u></p> <p>Pemilik mengambil barang niaga bernilai RM280 untuk kegunaan anaknya.</p> <p style="text-align: right;"><i>Ayu</i></p> |
|--|

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Imbangan Duga terselaras pada 31 Disember 2023. [10 markah]

- 6 Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Maju Jaya pada 30 Jun 2023.

| | Debit RM | Kredit RM |
|---------------------------------|---------------------|----------------------|
| Modal 1 Julai 2022 : | | |
| Aman | | 50 000 |
| Raju | | 100 000 |
| Akaun Semasa 1 Julai 2022 : | | |
| Aman | | 2 000 |
| Raju | 1 500 | |
| Ambilan : | | |
| Aman (31 Oktober 2022) | 600 | |
| Raju (1 April 2023) | 2 000 | |
| Kenderaan | 60 000 | |
| Perabot | 15 000 | |
| Pinjaman daripada Aman | | 25 000 |
| Inventori | 18 800 | |
| Bank | 36 500 | |
| Tunai | 1 200 | |
| Akaun Belum Bayar | | 5 100 |
| Akaun Belum Terima | 16 400 | |
| Peruntukan hutang ragu | | 700 |
| Untung bersih sebelum pelarasan | 30 800 | |
| | <u>182 800</u> | <u>182 800</u> |

Ikatan perjanjian perkongsian menetapkan :

- (i) Untung atau rugi dibahagi sama rata.
- (ii) Faedah atas modal 5% setahun atas baki awal.
- (iii) Faedah atas ambilan 4% setahun.
- (iv) Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun.
- (v) Gaji bulanan Aman adalah RM1 000 dan Raju RM900.

Maklumat tambahan :

- (i) Pekongsi Aman membawa masuk sebuah komputer riba bernilai RM5 500 untuk kegunaan perkongsian.
- (ii) Faedah atas pinjaman pekongsi belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (iii) Insurans prabayar RM1 300.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas Akaun Belum Terima.

SULIT

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Penyata Menyelaras Untung Bersih bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [4 *markah*]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [5 *markah*]
- (c) Akaun Semasa Pekongsi (bentuk beruangan). [8 *markah*]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan (bahagian Ekuiti Pemilik sahaja) [3 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT